

ARKIB : 17/01/2011

Dunia iklan Aliya masih jauh

Oleh SITI NURAZLINA JAMALUDIN

kampus@utusan.com.my

Gambar MOHD. NAIM AZIZ

BUKAN mudah menarik perhatian orang ramai dan seterusnya meninggalkan kesan yang mendalam dengan hanya menggunakan beberapa dialog yang ringkas dalam masa beberapa saat sahaja.

Namun, dikelilingi ahli keluarga yang berkecimpung dalam dunia pengiklanan telah mendorong Aliya Zafirah Abu Hanafiah, 23, untuk melanjutkan pengajian dalam bidang pengiklanan di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Menurut penerima anugerah dekan itu, dia merasai dirinya beruntung kerana dilahirkan dalam keluarga yang tidak lokek memberi kata perangsang serta pendedahan tentang dunia pengiklanan yang sebenarnya.

Bercerita mengenai iklan yang digemarinya, gadis kelahiran kota metropolitan ini merasakan iklan-iklan yang dihasilkan dari negara Thailand lebih menakjubkan berbanding negara lain.

"Bukan mahu menafikan daya kreativiti anak watan, namun saya tidak boleh menyangkal yang idea pengiklan negara jiran lebih kreatif, menghiburkan, dan pada masa yang sama menyentuh perasaan penonton.

"Sekiranya para pengiklan bijak bermain dengan emosi penonton dan pada masa yang sama ia masih relevan, pastinya iklan yang dihasilkan akan meninggalkan kesan yang mendalam di hati mereka," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Hijau itu mendamaikan

Menurut Aliya, tidak mudah untuk mengekalkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada setiap semester sehingga dia berasa tertekan terutamanya ketika berada di tahun akhir.

Bagaimanapun, dengan melakukan pelbagai aktiviti riadah yang digemarinya sedikit sebanyak dapat mengurangkan tekanan yang dihadapinya.



Aliya Zafirah Abu Hanafiah (dua dari kanan) bersama rakan-rakan kuliah yang turut memperolehi anugerah dekan baru-baru ini.

Jika sebelum ini, Aliya lebih gemar melancong secara *backpackers'* untuk meninjau cara hidup masyarakat setempat, namun minatnya kini mula beralih arah.

"Biarpun baru berjinak-jinak dengan aktiviti mendaki, saya mulai mencintai aktiviti sebegitu kerana terpesona dengan kehijauan alam yang menyegarkan.

"Entah mengapa apabila berada di puncak bukit dan melihat panorama indah yang terbentang di hadapan mata, ia membuatkan saya berasa sangat puas dan tenang," katanya.